

# PERANCANGAN AKTIVITI-AKTIVITI EKONOMI MARITIM DI MALAYSIA: KE ARAH PENERAPAN KONSEP PEMBANGUNAN LESTARI

(PLANNING OF MARITIME ECONOMIC ACTIVITIES IN  
MALAYSIA: TOWARDS THE PRACTICE OF SUSTAINABLE  
DEVELOPMENT)

*Nazery Khalid*

## **Abstract**

Although Malaysia has emerged as one of the world's most significant maritime nations, not all activities in the maritime sector in the country are conducted in line with the concept of sustainable development. This article underlines the major aspects which should be given attention to by the stakeholders in the effort to introduce the philosophy of sustainable development in the local maritime sector. It underlines the need to pay heed to environmental protection in developing maritime infrastructures such as ports and in the promotion of maritime economic activities such as shipping, fishery and offshore oil and gas exploration and production. The set of initiatives recommended in the article gives strategic focus on maintaining harmony between the Malaysian maritime environment and those involved in the maritime industry. It also takes into account the legal framework and the economic interests of the stakeholders in the sector towards finding convergence between exploiting the nation's maritime riches and protecting the integrity of its maritime environment in line with the concept of sustainable development.

*Keywords: Sustainable development, maritime environment, stakeholders, strategic alliance, and services*

## **Samudera: Nadi Kehidupan**

Kebergantungan Malaysia, sebuah negara yang dikelilingi oleh samudera, kepada persekitaran maritimnya tidak dapat dinafikan. Malaysia mempunyai pelbagai kepentingan terhadap lautan sekelilingnya yang merangkumi antara lainnya perdagangan, pekerjaan, pengangkutan, sumber makanan, rekreasi dan unsur strategik. Berdasarkan zon eksklusif ekonominya yang diperpanjang, Malaysia mempunyai kawasan laut yang lebih luas dari wilayah daratnya. Ciri maritim Malaysia ditekankan oleh bentuk fizikal negara yang terbahagi dua oleh Laut China Selatan yang memisahkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak di Pulau Borneo.

Di samping memiliki pesisiran yang panjang, Malaysia juga kaya dengan peninggalan maritim yang gilang gemilang yang mencapai kemuncaknya di abad ke 15 sewaktu Pelabuhan Melaka muncul sebagai pelabuhan antarabangsa yang unggul. Kini, Malaysia, diam tak diam, tergolong di kalangan negara-negara maritim utama di dunia. Dengan kemunculan ekonomi negara di kalangan negara-negara dagangan utama dunia, kepentingan sektor maritimnya dan kebergantungan negara terhadapnya semakin terserlah. Pelabuhan-pelabuhan komersialnya telah bertumbuh dengan pesatnya di dekad terakhir ini. Pelabuhan Kelang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas kini merupakan antara 20 pelabuhan pengendali kontena terbesar di dunia.<sup>1</sup>

Sumber-sumber maritim Malaysia memberikan sumbangan yang besar kepada kemakmuran ekonominya. Di samping hidupan laut yang menyediakan sumber protein utama kepada rakyat, petroliam dan gas yang kesemuanya dikeluarkan dari dasar laut kini muncul sebagai sumber eksport komoditi terbesarnya. Tambah menggariskan peranan kritikal sektor maritim kepada ekonomi Malaysia, dianggarkan yang 95% dari jumlah dagangan negara diangkut melalui laluan maritim dan sektor ini menyumbang pekerjaan kepada 2% dari tenaga kerja negara.<sup>2</sup> Tumpuan nasional dan juga masyarakat antarabangsa juga semakin difokuskan kepada persekitaran maritim kita, terutamanya di Selat Melaka yang merupakan laluan dagangan tersibuk dan antara perairan yang terpenting di dunia. Fakta-fakta ini meletakkan sektor maritim negara di kalangan sektor-sektor ekonomi lain yang mempunyai nilai yang strategik kepada negara.

Sejajar dengan aspirasi Malaysia untuk muncul sebagai sebuah negara maju, sumbangan dan peranan sektor maritimnya terhadap memenuhi matlamat ini semakin terserlah dan bertambah signifikan. Dengan itu, adalah wajar yang aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan sektor yang kritikal ini dirancang, di kendali dan diuruskan berlandaskan falsafah mesra alam bagi memastikan sumber dan aset maritim negara terpelihara untuk generasi yang akan datang.

## **Cabaran Pembangunan Lestari di dalam Sektor Maritim**

Akhir-akhir ini, konsep 'kelestarian' atau *sustainability* telah diterapkan di dalam pelbagai komuniti dan sektor ekonomi, dan telah membawa kepada pemahaman dan definisi yang berbeza-beza terhadap frasa ini. Idea ini mula mendapat perhatian antarabangsa melalui penerbitan Laporan Bruntland pada tahun 1987 dan kemudiannya bertambah tersebar di kalangan umum sewaktu Persidangan Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada bulan Jun 1992.<sup>3</sup> Persidangan Dunia mengenai Pembangunan Lestari di Johannesburg, Afrika Selatan pada bulan September 2002 mengukuhkan lagi agenda konsep ini dengan membawa perhatian dunia terhadap cabaran dan kepentingan pembangunan lestari.

Kini, pembangunan lestari membawa maksud berlainan kepada mereka yang mempunyai kepentingan yang berbeza-beza<sup>4</sup> Prinsip ini bukan sahaja terhad kepada pemeliharaan alam sekitar dan sumber-sumbernya, malahan juga merangkumi pengurusan sumber manusia dan kewangan serta pembangunan fizikal. Kebelakangan ini, diperhatikan yang dimensi teras-generasi telah diperkenalkan di dalam penerapan konsep pembangunan lestari dengan meningkatnya penghargaan umum terhadap manfaatnya. Walaupun konsep ini telah mula diguna pakai di dalam beberapa aktiviti maritim, namun ianya masih

belum diterapkan di dalam perancangan dan pentadbiran sektor maritim negara secara menyeluruh dan sistematik.<sup>5</sup>

Sumber kaya yang terkandung di dalam perairan Malaysia seharusnya dilihat menjangkau konteks nilai ekonominya sebagai komoditi asli semata-mata. Ianya juga merupakan sebahagian dari sejarah dan harta negara yang tidak terukur nilai dan kepentingannya dan menjamin kemakmuran ekonomi negara untuk kepentingan generasi kini dan akan datang. Malangnya, kualiti khazanah nasional ini semakin merosot, seperti yang dilihat dari pencemaran persekitaran maritim dan habitat marin yang semakin berleluasa, pengurangan tangkapan ikan, kehadiran spesies asing di dalam perairan tempatan dan bermacam-macam lagi tanda kemerosotan dan kehilangan biodiversiti. Pembangunan pesat sektor maritim Malaysia dan peningkatan aktiviti ekonomi yang berkaitan telah menyebabkan masalah-masalah yang disebutkan. Ianya boleh menjadi lebih buruk sekiranya perancangan aktiviti-aktiviti tersebut tidak dibuat berlandaskan konsep pembangunan lestari.

Berdasarkan kepentingan sektor maritim kepada kesejahteraan ekonomi Malaysia, adalah kritikal yang negara harus mengekalkan serta meningkatkan usaha-usahanya untuk mengimbangkan pertumbuhan sektor ini dengan pembangunan dan pemeliharaan sumber marin serta penjagaan persekitarannya. Aspek pemeliharaan alam sekitar harus ditekankan dalam pembangunan, pelaksanaan, pentadbiran dan pemantauan aktiviti-aktiviti ekonomi maritim. Perancangan yang rapi harus ditekankan di dalam pengurusan kawasan pesisir bagi membanteras dan mengurangkan pencemaran. Konservasi ekosistem dan biodiversiti ekologi adalah sangat penting untuk memelihara sumber-sumber maritim negara dan mengekalkan persekitaran maritimnya. Aktiviti-aktiviti ekonomi maritim seperti perikanan, perkapalan, pembangunan dan operasi pelabuhan serta pengeluaran minyak dan gas pesisir boleh menyumbang kepada pencemaran persekitaran maritim jika tidak dirancang secara teratur dan tidak dilaksanakan dengan cara mesra alam.

## **Senario Pengurusan Persekitaran Maritim di Malaysia**

Tanggungjawab menguruskan wilayah maritim Malaysia yang luas dan sumber di dalamnya bukanlah kecil. Ia termasuk mempertahankan integriti kewilayahan maritim negara dan membangunkan sumber marin kita secara teratur berdasarkan konsep kelestarian. Kebergantungan besar negara terhadap laut menuntut perhatian serius terhadap pentadbiran dan perancangan hal-ehwal maritimnya.

Sebagai bukti kepada kesungguhan Kerajaan dalam menguruskan wilayah kelautannya secara teratur, Malaysia telah meratifikasikan pelbagai konvensi lautan antarabangsa.<sup>6</sup> Malaysia juga telah menggariskan beberapa dasar nasional bagi memelihara persekitaran perairan lautannya. Sebagai contoh, Dasar Alam Sekitar Kebangsaan menggariskan strategi komprehensif bagi mencapai penggunaan dan pengeluaran sumber-sumber alam negara secara lestari.<sup>7</sup> Malaysia juga mengambil bahagian di dalam pelbagai usaha komuniti antarabangsa dalam memelihara persekitaran maritim, contohnya melalui pengadaptasian Agenda 21 di Persidangan Bumi di Rio de Janeiro pada tahun 1992.

Seperti yang termaktub di dalam Dasar Alam Sekitar Kebangsaan, Malaysia mengambil langkah proaktif dalam isu-isu persekitaran serantau dan global dengan

cara mematuhi kehendak-kehendak Agenda 21 di peringkat kebangsaan dan menyokong inisiatif antarabangsa dalam penerapan agenda tersebut.<sup>8</sup> Malaysia juga bergiat aktif di dalam inisiatif berciri maritim seperti Deklarasi Kerjasama Serantau Putrajaya untuk Strategi Pembangunan Lestari Kelautan Asia Tenggara (SDS-SEA), satu komitmen serantau bagi membangunkan sumber marin dan pesisir secara lestari.<sup>9</sup> Ia juga terus bekerjasama dengan negara-negara jiran dalam isu-isu yang berkaitan dengan persekitaran teras-sempadan maritim dan dengan organisasi-organisasi yang relevan dalam bidang maritim dan alam sekitar. Ini menggariskan komitmen kerajaan untuk mengurus dan melaksanakan konservasi persekitaran maritimnya dalam konteks pembangunan lestari. Falsafah ini termaktub di dalam dasar kebangsaan negara untuk menjadikan pemeliharaan alam sekitar dan pembangunan lestari sebagai tunjang kepada kemajuan sosioekonominya.

Pun begitu, persekitaran maritim Malaysia terus menghadapi pelbagai ancaman dan cabaran yang menuntut perhatian segera.<sup>10</sup> Walaupun bermacam usaha telah dijalankan untuk menguruskan persekitaran marin dan sumber-sumbernya, adalah kritikal yang satu penilaian menyeluruh dibuat segera ke atas cara ianya dijalankan. Polisi dan kaedah pengurusan maritim dirangka lama dahulu pada ketika di mana persekitaran marin dan sumber-sumbernya berada di dalam keadaan yang lebih terpelihara. Pelbagai paradigma dan ciri-ciri baru menuntut perancangan dan pendekatan yang lebih proaktif, tegas dan sensitif dalam membangun dan menguruskan aktiviti-aktiviti ekonomi maritim di Malaysia. Adalah penting yang isu-isu yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti tersebut dihadapi dan diselesaikan bagi masa depan pembangunan lestari sektor maritim. Perancangan aktiviti-aktiviti ekonomi maritim harus dibuat berdasarkan pemahaman mendalam terhadap potensi sumbangan dan kesan aktiviti-aktiviti itu kepada alam sekitar dan ekonomi, serta sejajar dengan perkembangan mutakhir dalam isu-isu maritim.

Walaupun usaha-usaha berterusan telah dijalankan oleh kerajaan bagi memelihara persekitaran maritim Malaysia, masih belum ada satu rangka kukuh untuk pengurusan aktiviti-aktiviti ekonomi maritimnya di peringkat nasional. Demi masa depan persekitaran maritim negara, adalah kritikal yang rangka sedemikian dibina di atas pelantar yang berpaksikan prinsip-prinsip pembangunan lestari. Artikel ini akan cuba menyumbang ke arah memenuhi hasrat ini dengan mempromosikan satu set pelan tindakan untuk membangun dan mentadbirkan aktiviti-aktiviti ekonomi maritim berdasarkan konsep tersebut.

## **Aktiviti-Aktiviti Ekonomi Maritim di Malaysia**

Secara amnya, aktiviti-aktiviti ekonomi maritim merangkumi pengeluaran, pengedaran dan penggunaan barangan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan laut. Sektor maritim kini muncul sebagai satu sektor yang kritikal kepada ekonomi negara dan memberikan sumbangan yang signifikan terhadap kemakmurannya. Sebagai sebuah negara pesisir, Malaysia bergantung besar kepada sumber-sumber marinnnya serta industri-industri berkaitan seperti perikanan, pengangkutan laut, pemprosesan makanan laut dan pelancongan.<sup>11</sup> Sektor pelabuhan dan perkapalannya pula menjadi tulang belakang kepada dagangan antarabangsanya dan secara tidak langsung menjadi teras kesejahteraan ekonomi negara.

Antara aktiviti-aktiviti ekonomi di dalam sektor maritim di Malaysia ialah :

- Penangkapan ikan dan hidupan laut yang lain
- Perlombongan minyak dan gas
- Pelancongan dan rekreasi marin
- Perkhidmatan pelabuhan
- Perkhidmatan perkapalan
- Pentadbiran dan pertahanan kelautan
- Perkhidmatan sokongan maritim seperti logistik, penghantaran fret, penyimpanan, perbankan, insurans, perundangan dan perkhidmatan perundingan.

Aktiviti-aktiviti tersebut yang merangkumi skop yang meluas merupakan di antara pemangkin utama kepada pembangunan dan tahap daya saing negara. Beberapa rancangan dan perspektif ekonomi telah mengenal pasti potensi dan sumbangan sektor maritim kepada pembangunan dan pertumbuhan negara. Oleh itu, adalah wajar yang sektor ini ditadbir dan diuruskan dengan cekap bagi menjamin kemakmuran sosioekonomi Malaysia.

Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara membangun, perancangan sektor maritimnya haruslah dibuat dengan mengambil kira objektif meningkatkan daya saing dagangannya. Sektor perkapalan dan pelabuhan terutamanya, sebagai komponen pemudah cara dagangan yang penting dan strategik, harus diberikan tumpuan khusus dalam memelihara dan meningkatkan kepentingan dagangan Malaysia. Pelbagai industri dan perkhidmatan yang menyokong sektor maritim seperti yang disenaraikan terdahulu juga harus diberikan fokus dan dibangunkan sejajar dengan peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan perkapalan dan pertumbuhan pelabuhan-pelabuhan tempatan.

### **Ke arah Pembangunan Lestari di dalam Sektor Maritim**

Adalah penting yang satu pendekatan bersepadu dibuat bagi menghadapi cabaran yang semakin besar dan kompleks dalam mentadbirkan sektor maritim negara. Walaupun rangka kerja perundangan dan dasar beberapa sektor persekitaran seperti perhutanan dan penggunaan tanah sudah lama diamalkan di Malaysia, namun sektor maritim agak terabai. Pengurusan berpusat dan teratur yang dinikmati oleh sektor perhutanan umpamanya tidak diberikan kepada sektor maritim yang dibebani oleh pelbagai perundangan dan agensi.

Tanpa satu dasar samudera kebangsaan yang komprehensif, sektor maritim negara dan aktiviti-aktivitinya tidak dapat dirancang dan dibangunkan secara koordinasi bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan pemeliharaan persekitaran dan sumber-sumber samudera.<sup>12</sup> Ketiadaan pendekatan bersepadu bagi membangunkan sektor maritim negara secara berstrategik dan teratur boleh menimbulkan konflik di antara sektor-sektor dalam bidang maritim, dan juga di antara pihak berkuasa pusat dengan negeri dalam menguruskan sektor maritim negara. Kepincangan sebegini menjadi batu penghalang kepada mewujudkan suasana yang menggalakkan penerapan konsep-konsep pembangunan lestari di dalam sektor maritim negara.

Berlatarbelakangkan permasalahan ini, adalah penting yang satu strategi menyeluruh dirangka untuk sektor maritim supaya aktiviti-aktiviti di dalamnya

boleh dirancang berlandaskan falsafah pembangunan lestari bagi memelihara persekitaran dan sumber-sumbernya. Perancangan sektor ini mesti dilakukan dengan teliti dan pengurusannya mesti dibuat secara bersistematik bagi memelihara persekitaran maritim dari pencemaran dan kehilangan biodiversiti, dan melindungi sumber-sumber maritim untuk manfaat generasi akan datang. Dalam membentuk strategi yang mempunyai ciri-ciri sedemikian, adalah wajar yang pelan tindakan berikut diterapkan ke dalamnya:

- Membentuk dasar, peraturan dan perencanaan bagi membantu pembangunan aktiviti-aktiviti ekonomi maritim dengan cara yang boleh memenuhi tuntutan dan keperluan khusus dalam sektor-sektor tertentu di dalam bidang maritim.
- Membantu pelbagai agensi, organisasi dan institusi yang terlibat di dalam sektor maritim ke arah penyelarasan usaha-usaha mereka dan perkongsian maklumat di antara mereka dan juga dengan sektor-sektor di dalam ekonomi maritim.
- Memperkenalkan pendekatan efektif, telus dan terukur dalam menilai kelestarian aktiviti-aktiviti ekonomi maritim yang berdasarkan sumber seperti perikanan dan perlombongan minyak dan gas.
- Meningkatkan kerjasama dan perkongsian strategik di kalangan komuniti sektor maritim yang merangkumi masyarakat awam, sektor swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi-agensi kerajaan.

Tentunya semua ini bakal menuntut ketegasan dan kesungguhan untuk mengatasi kerenah birokrasi dan kepentingan jangka pendek dalam merancang aktiviti-aktiviti ekonomi maritim. Dalam keghairahan merealisasikan cita-citanya untuk menjadi sebuah negara membangun, Malaysia tidak seharusnya meminggirkan pengurusan dan pemeliharaan persekitaran dan sumber-sumber maritimnya. Alam maritim merupakan satu persekitaran yang sensitif dan terdedah kepada pelbagai ancaman. Oleh itu, adalah penting yang Malaysia bertindak segera untuk memelihara persekitaran maritimnya dengan cara mewartakan konservasi sebagai pelantar kepada pembangunan sektor maritim tempatan.

Adalah dicadangkan yang sebuah jawatankuasa khas dibentuk di peringkat kebangsaan bagi mengetuai perancangan dan pengurusan aktiviti-aktiviti ekonomi maritim negara. Dalam melaksanakan tanggungjawab ini, badan ini harus bekerjasama dengan agensi-agensi seperti Unit Perancangan Ekonomi, Majlis Maritim Kebangsaan dan Majlis Perancangan Ekonomi Negara. Ia boleh menggariskan satu set dasar dan mengenal pasti bidang-bidang utama dalam pengurusan aktiviti-aktiviti ekonomi maritim, melalui perundingan dengan pihak-pihak berkuasa, pengamal industri maritim, NGO dan lain-lain pihak yang berkepentingan. Set dasar ini boleh digunakan sebagai asas untuk memperkenalkan Rangka Pembangunan Aktiviti-aktiviti Ekonomi Maritim Kebangsaan yang akan menggunakan pendekatan bersepadu dan menyeluruh dalam merancang dan menggalakkan aktiviti-aktiviti ekonomi di dalam sektor maritim. Ia harus berlandaskan falsafah pembangunan lestari dengan menumpukan usaha kepada pemeliharaan alam sekitar, konservasi ekologi dan sumber, serta pengurangan pencemaran. Di samping membangunkan aktiviti-aktiviti ekonomi maritim berdasarkan konsep pembangunan lestari, Rangka Pembangunan ini harus juga

mengambil kira implikasi dasar-dasarnya terhadap pembangunan sosioekonomi supaya kepentingan ekonomi negara tidak akan tergugat.<sup>13</sup>

Bagi mencapai hasrat mencapai pembangunan lestari dalam menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi maritim, beberapa *priority areas* telah dicadangkan iaitu; pertama, Mengimbangi penguatkuasaan undang-undang dan kepentingan komersil. Ada kalanya penguatkuasaan yang berlebihan boleh mengganggu kelicinan dan kecekapan perancangan, pengurusan dan pembangunan sesuatu sektor. Ia boleh menghalang negara dari menjadi dinamik, berdaya saing dan responsif, dan boleh membuat pelabur asing tawar hati untuk melabur di sini. Penguatkuasaan boleh mendatangkan kesan yang berlawanan dengan apa yang dihasratkannya jika pelaksanaannya dibuat secara terlalu ketat dan tidak fleksibel. Bagi membangunkan aktiviti-aktiviti ekonomi maritim secara efektif, perundangannya harus mengambil kira kehendak mengimbangi dasar untuk merancang dan mengawal sesuatu aktiviti sambil memberi ruang kepada sektor berkenaan untuk berkembang tanpa dibelenggu oleh penguatkuasaan yang terlalu ketat.

Kedua; meletakkan akauntabiliti sebagai pelantar kepada perlakuan pihak-pihak yang berkepentingan di dalam sektor maritim. Pihak-pihak yang berkepentingan di dalam sektor maritim seharusnya bertanggungjawab terhadap perilaku mereka supaya tidak mendatangkan kesan yang negatif kepada persekitaran sektor ini yang mana mereka meraih manfaat dan keuntungan darinya. Dasar-dasar mengenai perancangan aktiviti-aktiviti ekonomi maritim harus digubal supaya selaras dengan kehendak industri dan umum berdasarkan ketelusan. Agenda akauntabiliti sebegini seharusnya melibatkan penglibatan masyarakat umum dan dasar-dasar maritim seharusnya digubal secara terbuka untuk didebatkan oleh orang awam bagi menjamin ketelusannya. Kegagalan pihak-pihak yang terlibat mengamalkan agenda ini boleh membawa kepada kelalaian dan prestasi tidak efektif yang boleh mendatangkan kesan negatif kepada persekitaran maritim seperti pencemaran dan pelupusan sumber. Hukuman berat harus dikenakan ke atas mereka yang gagal memenuhi tanggungjawab sosial untuk memelihara integriti persekitaran maritim.

Bagi menjamin kejayaan inisiatif-inisiatif yang dipandu oleh masyarakat umum, kerajaan harus mengadakan satu persekitaran politik dan melahirkan suasana sosial yang bersesuaian. Inisiatif-inisiatif sedemikian, umpamanya yang didorong oleh NGO, seharusnya digerakkan berdasarkan semangat perundingan di antara para pengamal industri dengan masyarakat awam supaya falsafah pembangunan lestari boleh diamati. Satu budaya bercirikan perdebatan terbuka dan akauntabiliti perilaku boleh membantu ke arah perancangan aktiviti-aktiviti ekonomi maritim yang lebih sensitif yang boleh memenuhi tuntutan konsep pembangunan lestari.

Ketiga; mengekalkan daya saing ke arah meraih pulangan menarik dalam aktiviti-aktiviti ekonomi maritim. Dari sudut perniagaan, aktiviti-aktiviti ekonomi maritim seharusnya memberikan tumpuan kepada menguruskan kos dan meningkatkan kecekapan operasi masing-masing bagi menjamin tahap daya saing, kompetitif dan keuntungan yang memuaskan. Tanpanya, aktiviti-aktiviti ekonomi maritim tidak akan data menarik pelaburan untuk pertumbuhan mereka. Kita ambil sebagai contoh sektor pelabuhan yang merupakan satu aktiviti ekonomi maritim yang bersifat intensif modal dan mempunyai motivasi keuntungan. Pelabuhan-pelabuhan utama Malaysia sedang menghadapi saingan hebat dari

pelabuhan-pelabuhan serantau dalam menarik syarikat-syarikat perkapalan utama dan memungkinkan pengendalian kargo yang lebih besar. Untuk berdaya saing di dalam persekitaran perniagaan yang sangat kompetitif, pelabuhan-pelabuhan tempatan tidak sepatutnya dilindungi oleh pelbagai dasar dan subsidi yang boleh menumpulkan tahap daya saing mereka. Walaupun kita akur yang beberapa jenis bantuan melalui dasar kerajaan harus diberikan kepada pelabuhan-pelabuhan utama kita, tumpuan jangka panjang harus diberikan kepada meletakkan mereka di atas pelantar kukuh supaya boleh bersaing dengan pelabuhan-pelabuhan lain di dalam persekitaran persaingan yang semakin sengit. Mereka wajar bersedia untuk bersaing di dalam dunia bercirikan liberalisasi dan globalisasi yang semakin menuntut persaingan yang lebih adil dan terbuka di dalam pelbagai sektor.

Hanya apabila sesuatu aktiviti ekonomi maritim berjaya dari sudut komersil barulah ia boleh dirancang dan dikawal selia di tahap di mana ia boleh memenuhi piawai pembangunan lestari. Bila keuntungannya terjamin, tentunya peluang baginya menarik pelaburan akan lebih cerah dan bakal menjamin dana untuk aktiviti-aktiviti yang mesra pembangunan lestari. Dana dari sektor awam dan swasta yang mencukupi seharusnya disediakan bagi meningkatkan perhatian masyarakat terhadap isu-isu persekitaran seperti integriti alam maritim bagi menyokong usaha-usaha pembangunan lestari. Sektor swasta terutamanya yang berpotensi menyediakan sumber terbesar ke arah matlamat ini terutamanya dalam konteks negara membangun, harus terdorong untuk berbuat demikian. Bagi menjamin kejayaan objektif pembangunan lestari dalam sektor maritim, aktiviti-aktiviti di dalamnya seharusnya mampu menarik pelaburan dan dana untuk memenuhi tuntutan konsep tersebut.

Keempat; merancang aktiviti-aktiviti ekonomi maritim yang kritikal menggunakan skala jangka panjang. Aktiviti-aktiviti ekonomi maritim yang bersifat strategik dan memerlukan pelaburan intensif seperti pelabuhan dan perkapalan memerlukan pelaburan yang berterusan dan komitmen kewangan jangka-panjang. Kejayaan aktiviti-aktiviti seumpamanya bergantung kepada perancangan teliti dan semangat dedikasi dari mereka yang terlibat. Risiko di dalamnya harus diuruskan dengan cekap, keperluan kewangannya dipenuhi, para pesaingnya dihadapi dan diatasi, selok-belok pasarannya difahami, dan setiap perkembangannya dikaji bagi menjamin kejayaan di dalam sektor-sektor yang sangat kompetitif dan mencabar sedemikian. Untuk itu, satu strategi jangka panjang diperlukan bagi aktiviti-aktiviti ekonomi maritim yang kritikal seperti pelabuhan, perkapalan, perikanan dan perlombongan minyak dan gas pesisir bagi menjamin kejayaannya dan menjamin pelaburan berterusan untuk pertumbuhannya sejajar dengan konsep pembangunan lestari.

Kelima; membina pangkalan data (database) yang lengkap untuk sektor maritim bagi membantu perancangan pembangunannya. Perancangan berkesan sesuatu sektor ekonomi bergantung kepada kuantiti dan kualiti data mengenainya. Sektor maritim tidak terkecuali dari fakta ini. Adalah penting yang tumpuan serius diberikan kepada membina pangkalan data yang komprehensif, teratur dan terkini dalam sektor maritim dalam usaha membangunkan sektor penting ini. Hakikatnya, data mengenai sumbangan sektor maritim kepada ekonomi negara tidak dikumpulkan secara teratur dan sistematik. Satu pangkalan data yang lengkap, sistematik dan mutakhir boleh memberikan tambahan nilai yang sangat berharga kepada usaha merancang dan membangunkan sektor maritim negara.



Keenam; mengamalkan amalan terbaik antarabangsa atau *international best practices* dalam menguruskan aktiviti-aktiviti ekonomi maritim. Sejalan dengan statusnya sebagai salah sebuah negara utama maritim di dunia, Malaysia wajar mengenal pasti dan menerapkan amalan terbaik kuasa-kuasa maritim lain, malah juga dari sektor dan industri di luar dari bidang maritim. Ia harus mengadaptasikan teknologi, sistem dan proses terkini untuk menggalakkan inovasi teknikal dan memupuk semangat daya saing di kalangan pengamal sektor aktiviti-aktiviti ekonomi maritim utama seperti pelabuhan, perkapalan dan perikanan. Sokongan kewangan dan pentadbiran harus diberikan kepada inisiatif-inisiatif yang menggalakkan budaya kecemerlangan di dalam ekonomi maritim dan sains persekitaran. Ianya harus bercirikan amalan penggunaan teknologi, sokongan latihan dan analisa dasar yang boleh disemarakkan melalui jalinan di antara industri maritim dengan pelbagai institusi akademik dan penyelidikan. Kerjasama sedemikian boleh menggalakkan pembentukan dasar dan prosedur yang menjurus kepada amalan perniagaan yang mesra terhadap konsep pembangunan lestari.

Ketujuh, meningkatkan kesedaran awam dan memupuk sikap bertanggungjawab terhadap menjayakan konsep pembangunan lestari di dalam aktiviti-aktiviti ekonomi maritim. Satu lagi elemen penting dalam mencapai pembangunan lestari di dalam sektor maritim ialah pendidikan awam dan penyebaran maklumat. Secara umum, kesedaran orang ramai terhadap masalah-masalah yang berkaitan dengan persekitaran marin dan sumber-sumbernya berada pada tahap yang tidak memuaskan. Kepincangan ini harus ditangani seandainya doktrin pembangunan lestari ingin diterapkan dengan jayanya dalam perancangan aktiviti-aktiviti ekonomi maritim di Malaysia.

Pendidikan merupakan salah satu batu asas kepada pembangunan lestari.<sup>14</sup> Selagi kesedaran tentang kepentingan samudera dan peranan pentingnya terhadap kehidupan tidak meningkat di kalangan rakyat Malaysia, sikap tidak apa mereka terhadap sektor maritim akan berterusan. Ini boleh menjadi batu penghalang kepada cita-cita Malaysia untuk muncul sebagai negara maritim yang benar-benar berwibawa dan disegani, dan bakal mensabotaj objektif penerapan konsep pembangunan lestari dalam perancangan sektor maritim tempatan.

Adalah penting yang kesedaran awam dipupuk dan ditingkatkan terhadap sumbangan penting sektor maritim terhadap ekonomi negara. Kesedaran masyarakat juga harus disemai bagi menghargai kepentingan lautan kepada pertahanan negara, potensinya dalam menjalin integrasi negara serta tempatnya di dalam warisan negara. Kerajaan dan pengamal industri maritim harus berganding bahu untuk merancang, menggerakkan dan mengekalkan program-program bersesuaian ke arah membina dan meningkatkan kesedaran awam terhadap hal-ehwal maritim dan isu-isu berkaitan dengan pembangunan lestari. Usaha berterusan harus dibuat ke arah meningkatkan tahap pemahaman dan penghargaan umum terhadap memelihara persekitaran marin. Tanpa kesedaran sivik dan penglibatan masyarakat dalam usaha memelihara lautan dan persekitarannya, samudera raya akan terus terdedah kepada ancaman-ancaman seperti pencemaran dan kemusnahan. Ini tentunya akan membawa kesan yang sangat buruk kepada integriti persekitaran marin kita dan menggugat kepentingan negara di dalam sektor maritim.

Pelbagai institusi dan organisasi maritim tempatan dan yang berkaitan dengannya harus merancang program untuk memupuk kesedaran awam secara tersusun dan berterusan. Di samping itu, mereka juga wajar menjalin rangkaian

dengan institusi-institusi dan organisasi- organisasi maritim di luar negara. Ini bakal menjadi pemangkin kepada pengenalan idea-idea baru mengenai konservasi dan pembangunan lestari di dalam sektor maritim yang boleh diketengahkan kepada masyarakat awam di Malaysia melalui program-program seperti seminar, pameran, aktiviti-aktiviti yang berkaitan sambutan Hari Maritim Sedunia dan sebagainya.

## Kesimpulan

Berdasarkan kepentingan sektor maritim sebagai penyumbang yang signifikan kepada kemakmuran ekonomi negara, adalah perlu yang pihak-pihak yang berkepentingan di dalam sektor ini berusaha ke arah mengekalkan tahap produktiviti sektor ini. Bagi memenuhi objektif ini, persekitaran maritim itu sendiri perlu dipelihara supaya pulangan ekonomi boleh diraih darinya secara lestari, bukan sahaja untuk masa terdekat ini malah untuk generasi depan. Malaysia haruslah mengambil pendekatan yang bersepadu dalam merancang pertumbuhan sektor maritimnya dengan menggunakan konsep pembangunan lestari. Falsafah berhemah yang dipromosikan oleh pembangunan lestari boleh menyediakan pelantar kepada penyelarasan pelbagai dasar yang kini diguna pakai di dalam sektor maritim negara ke arah pertumbuhan ekonomi, pembangunan sosial dan pemeliharaan alam sekitar.

Salah satu ciri unik samudera raya ialah sifat rentas-benuanya. Seajar dengan ini, pengurusan lautan luas menuntut komitmen, penglibatan dan kerjasama semua pihak yang berkepentingan di dalam sektor maritim bagi mengekalkan kelestarian samudera dalam pada meraih manfaat dari sumber dan persekitarannya. Pendekatan bersepadu dalam menguruskan pembangunan sektor ini memerlukan sokongan dan jalinan rapat di kalangan pelbagai agensi kerajaan, pengamal industri, NGO, komuniti akademik dan saintifik, dan masyarakat bagi memenuhi tanggungjawab masing-masing terhadap memelihara integriti persekitaran maritim. Pendekatan sebegini penting bagi menunjukkan kesungguhan Malaysia dalam memenuhi tuntutan pelbagai perundangan antarabangsa mengenai maritim dan alam sekitar yang telah diratifikasikannya.

Perlu diingat yang pembangunan lestari bukanlah satu matlamat yang boleh dicapai secara terencil tanpa melibatkan pelbagai sektor dan unsur lain. Banyak tindakan yang seiring perlu diambil di luar sektor maritim bagi membina asas kukuh ke arah penerapan konsep pembangunan lestari di dalam sektor tersebut. Sebagai contoh, kejayaan perancangan sebuah pelabuhan supaya ia bertumbuh secara lestari bergantung kepada pertumbuhan seiring ekonomi dan dagangan negara serta global. Peranan faktor-faktor luar sepertinya bertindak sebagai pemangkin yang menggalakkan pelabuhan tersebut untuk memperbaiki tahap kecekapan dan mengembangkan kapasitinya supaya ia boleh beroperasi pada satu tahap yang menjurus kepada pembangunan lestari.

Satu persekitaran dinamik diperlukan bagi menzahirkan etika pembangunan lestari. Ia merupakan persekitaran di mana proses membuat keputusan atau *decision making* boleh digerakkan dengan pantas dan kesedaran awam terhadap kepentingan memelihara persekitaran dan sumber-sumber maritim berada di tahap yang tinggi. Sebagai tambahan, perilaku pihak-pihak yang terlibat di dalam sektor maritim harus terikat dengan kesedaran tanggungjawab atau *accountability* bagi

menjamin persekitaran yang ideal sedemikian. Kerjasama kukuh juga harus wujud di kalangan mereka bagi menjayakan cita-cita konsep pembangunan lestari di dalam sektor maritim tempatan.

Masanya telah tiba untuk negara mempunyai satu strategi pembangunan aktiviti-aktiviti ekonomi maritim yang kreatif dan berpandangan jauh yang mempunyai ciri-ciri yang disebutkan, dikendalikan oleh pucuk pimpinan yang komited, serta didorong oleh perkhidmatan sokongan yang cekap. Ia bakal membantu Malaysia menjayakan objektif pembangunan lestari dan menjadikannya sebuah negara maritim yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar yang berjaya dan disegani di kalangan masyarakat antarabangsa.

Dengan semakin meningkatnya kepentingan sektor maritim di dalam ekonomi negara, adalah kritikal yang pihak-pihak yang berkepentingan terhadap lautan membuat perancangan yang rapi dan membangunkan aktiviti-aktiviti ekonomi maritim dengan agresif bagi menyokong hasrat kerajaan untuk mempertahankan kepentingan-kepentingan maritim negara. Aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perlindungan maritim serta inisiatif kerjasama di dalam sektor ini, sejajar dengan memenuhi kehendak pembangunan lestari harus dirancang dengan teliti dan dipromosikan secara berterusan.

Kesimpulannya, pembangunan lestari harus dijadikan teras dan aspirasi utama dalam perancangan aktiviti-aktiviti ekonomi maritim di Malaysia bagi menjamin yang generasi akan datang dapat menikmati persekitaran serta sumber-sumber lautan yang terpelihara, dan berterima kasih kepada generasi ini yang telah berusaha untuk memelihara kesinambungan, keselamatan serta integritinya.

## Nota hujung

---

<sup>1</sup> Pada tahun 2008, agensi Bangsa-Bangsa Bersatu UNCTAD menarafkan Malaysia di tempat ke 22 di dalam senarai 25 negara-negara dagangan utama dunia dari segi peratusan kapasiti kapal dagangan (dalam ukuran DWT) dalam konteks pemilikan dan *flag* kapal.

<sup>2</sup> MASA, *Malaysia Maritim Yearbook 2007-2008*, (Kuala Lumpur: MASA, 2008), h. 29.

<sup>3</sup> Laporan Bruntland yang diterbitkan pada tahun 1987 juga dikenali sebagai *Our Common Future* dan disediakan oleh Jawatankuasa Bruntland atau Jawatankuasa Dunia Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan. Ia member amaran kepada dunia mengenai peri pentingnya menjalankan aktiviti pembangunan sambil memelihara integriti alam sekitar dan mengambil kira kepentingan mengeksploit sumber semula jadi secara berhemah. Laporan tersebut menggariskan tiga komponen utama pembangunan lestari iaitu pemeliharaan alam sekitar, pertumbuhan ekonomi dan kesamarataan sosial.

<sup>4</sup> Laporan Brundtland mentakrifkan 'kelestarian' atau *sustainability* sebagai 'kebolehan memenuhi tuntutan ekonomi, persekitaran dan sosial masa kini secara global tanpa menidakkan generasi masa depan untuk memenuhi tuntutan mereka'. Laporan tersebut mengentengahkan idea pembangunan sebagai satu tuntutan yang penting bagi memenuhi kehendak manusia dan meningkatkan tahap hidup mereka di samping menekankan kepentingan memelihara alam sekitar dan sikap bertanggungjawab terhadap penggunaan sumber manusia, sumber asli dan sumber ekonomi. Takrifan dan prinsip ini digunakan bagi mengemudi perbincangan mengenai pembangunan lestari di dalam sektor maritim di dalam artikel ini.

<sup>5</sup> Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO), agensi khas Bangsa-Bangsa Bersatu yang berperanan sebagai penguat kuasa sektor maritim, diberikan mandat untuk mengekalkan keselamatan maritim dan memastikan yang samudera tidak tercemar. IMO aktif dalam mempromosikan pembangunan sosioekonomi sektor maritim secara lestari melalui meningkatkan tahap keselamatan pengangkutan maritim, meningkatkan pemeliharaan alam sekitar maritim, menggalakkan aktiviti sara hidup secara lestari dan mengurangkan kemiskinan.

<sup>6</sup> Malaysia telah meratifikasikan Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perundangan Kelautan (UNCLOS) pada tahun 1996. Ini merupakan langkah signifikan bagi Malaysia dalam meningkatkan tahap pengurusan laut dan sumber-sumbernya. UNCLOS yang diperkenalkan pada tahun 1982 merupakan satu instrumen global yang komprehensif yang menyediakan rangka dasar yang menyeluruh mengenai program dan inisiatif maritim.

<sup>7</sup> Dasar Alam Sekitar Kebangsaan diperkenalkan pada tahun 2002 dan digubal berdasarkan prinsip-prinsip berikut : (1) pemeliharaan alam sekitar, (2) pengendalian kepelbagaian alam sekitar, (3) peningkatan berterusan mutu alam sekitar, (4) penggunaan sumber alam sekitar secara berhemah, (5) pendekatan membuat keputusan secara berintegrasi bagi memelihara alam sekitar, (6) mengukuhkan peranan sektor swasta dalam memelihara dan menguruskan alam sekitar, (7) komitmen dan akauntabiliti para pembuat keputusan dalam melaksanakan aktiviti, dan (8) penglibatan aktif di dalam usaha-usaha komuniti antarabangsa.

<sup>8</sup> Agenda 21 merupakan pelan tindakan holistik yang wajar digerakkan di peringkat kebangsaan, antarabangsa dan global oleh organisasi di bawah sistem, kerajaan dan perkumpulan di bawah naungan Bangsa-Bangsa Bersatu di dalam apa jua aspek di mana ada kesan manusia terhadap alam sekitar.

<sup>9</sup> Deklarasi Putrajaya dibuat pada bulan Disember 2003 oleh menteri-menteri dari 12 negara pesisir di wilayah Asia Timur. Antara aspek yang disentuh oleh deklarasi tersebut ialah matlamat pembangunan lestari, pelaksanaan pengurusan berintegrasi samudera dan pesisiran serta program tindakan bagi menyelesaikan masalah dan menangani kelemahan di dalam pengawalseliaan samudera dan pesisiran.

<sup>10</sup> Antara cabaran-cabaran tersebut ialah (1) memelihara alam sekitar maritim dari pencemaran akibat aktiviti di lautan mahupun di daratan, (2) memperbaiki pengurusan kawasan pesisiran, (3) memelihara kepelbagaian serta habitat marin dan pesisiran, dan (4) pengurusan sumber-sumber marin secara lestari.

<sup>11</sup> Abdul Aziz A. R., Jamali J. & Wong, H. W. , *The maritim sector and the Malaysian economy*, Monograf MIMA, (Kuala Lumpur: MIMA, 1995), h. 10.

<sup>12</sup> E. L. Miles, "Development of an Integrated National Ocean Policy," Laporan juru perunding disediakan untuk MIMA, 1996, h. 1-2. (tidak diterbitkan).

<sup>13</sup> Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC), badan perunding ekonomi kepada Kerajaan Malaysia, menggariskan tiga peringkat prestasi keutamaan untuk ekonomi negara iaitu (1) prestasi sektor awam bagi meningkatkan disiplin fiskal dan mutu sistem perkhidmatan, (2) prestasi sektor swasta bagi meningkatkan tahap kompetitif negara di peringkat global dan bagi mengenal pasti sumber-sumber baru yang boleh menjana pertumbuhan ekonomi, dan (3) prestasi sumber manusia bagi membangun dan menambahkan sumber tenaga kerja negara.

<sup>14</sup> M. Ramphele, "The path to education: A multidimensional approach," Dipetik dari ucapan beliau dalam 2003 Kneller Lecture, Annual Conference and International Education Society, New Orleans, March 2003.